



067-Keselarian antara Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dengan Teori Barat

***Siti Nor Azhani Mohd Tohar**

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

*E-mel: azhanitohar@usim.edu.my

ABSTRAK

Perbincangan mengenai Teori Semangat Kekitaan atau disebut sebagai '*Asabiyyah*' oleh Ibnu Khaldun yang merupakan faktor penentu jatuh bangun sesebuah ketamadunan telah menjangkau lebih enam abad lamanya. Namun, inti pati dalam teori tersebut masih dibincangkan dan adakah ia masih relevan sehingga ke hari ini? Justeru, makalah ini akan mengkaji keselarian Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dengan dua teori barat yang terkenal, iaitu 1) Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner dan, ii) Teori Personaliti Maslow. Perbincangan ini dibuat melalui metodologi analisis kandungan bersumberkan bahan ilmiah seperti buku dan artikel jurnal. Hasil dapatan menunjukkan inti pati utama yang dibincangkan dalam Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun turut dibincangkan dalam 2 teori barat ini. Implikasinya, walaupun Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dibincangkan dalam konteks semasa sewaktu zaman beliau yang jauh berbeza dengan zaman moden kini, namun intipati yang diutarakan tentang keperluan sosial manusia dalam masyarakat amat relevan, malahan turut dibincangkan dalam teori-teori barat yang wujud selepas beliau. Ini membuktikan keintelektualan teori ini tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas walaupun ia merentasi zaman, geografi dan fizikal dari zaman ke zaman.

Kata Kunci: *Asabiyyah*, tamadun, Bronfenbrenner, Maslow.

PENGENALAN

Pengkaji telah membuat perbandingan antara Teori Semangat Ibnu Khaldun yang telah dibincangkan lebih enam abad yang lalu dengan teori-teori kontemporari bagi melihat kerelevanan Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun untuk diadaptasi ke dalam situasi moden masa kini.

Pengkaji telah memilih dua teori barat popular yang sering digunakan oleh para pengkaji, iaitu Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia oleh Bronfenbrenner dan Teori Motivasi dan Personaliti oleh Maslow. Dua teori ini dipilih kerana ia sering digunakan dalam kebanyakan



kajian bukan sahaja dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan, malahan dalam bidang psikologi perubatan. Teori yang popular dipilih bagi menganalisis sejauh mana kerelevanan dan keselarian inti pati dalam Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun yang telah sekian lama dibincangkan lebih awal turut dibincangkan di dalam teori-teori barat terkemuka pada masa kini.

TEORI SEMANGAT KEKITAAN IBNU KHALDUN

Pengkaji telah menggunakan istilah 'semangat kekitaan' sebagai refleksi kepada istilah '*asabiyyah* Ibnu Khaldun yang digunakan dalam karya Mukadimah beliau. Istilah ini selari dengan terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap karya beliau ini yang telah dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu. Justeru, istilah semangat kekitaan yang digunakan oleh pengkaji merujuk kepada istilah '*asabiyyah* dalam perbincangan Ibnu Khaldun.

Ibn Khaldun dalam karya agung beliau, *Mukadimah* banyak memberi penerangan mengenai ketamadunan melalui penelitian terhadap masyarakat Arab Badwi (pengembara padang pasir) dan masyarakat Arab Bandar (tinggal menetap). Ini kerana menurut beliau, perbezaan-perbezaan keadaan di antara penduduk diakibatkan oleh perbezaan cara-cara mereka mendapatkan nafkah.


Masyarakat Badwi tinggal di padang pasir dan sering berpindah randah bagi mendapatkan keperluan hidup. Akibat daripada kekurangan dan kesempitan untuk memenuhi keperluan, maka ahli masyarakat mereka lebih bersatu hati dan bekerjasama untuk memenuhi tuntutan hidup. Mereka hidup dalam serba terdesak yang menyebabkan mereka saling seia sekata dan sehidup semati untuk berjuang meneruskan kehidupan, bersifat agresif, berjiwa besar dan tamak; menjadikan sifat-sifat masyarakat padang pasir ini sebagai asas kekuatan semangat kekitaan yang terus dipupuk dan ini menyebabkan mereka disegani dan digentari (Ibnu Khaldun, 1967, DBP, 2009; Dhaouadi, 1990). Berbeza dengan mereka yang menetap di bandar, hidup dalam kemewahan dan mudah untuk memenuhi keperluan bahkan kehendak hidup, menjadikan mereka malas untuk berusaha, penuh keakuran, keberanian semakin hilang, terbiasa untuk merendah diri dan bersikap boleh dicucuk hidung, menjadikan kekuatan semangat kekitaan mereka lebih rendah daripada semangat kekitaan masyarakat Badwi. Masyarakat Arab bandar lebih bersifat individualistik kerana sesiapa sahaja mudah untuk mendapatkan keperluan hidup dengan tidak perlu terlalu bergantung atau bekerjasama dengan yang ahli masyarakat lain (Ibnu Khaldun, 1967, DBP, 2009).

Sehubungan itu, Ibnu Khaldun sering mengaitkan semangat kekitaan sebagai teras penentu kepada perkembangan dan kejatuhan sesebuah tamadun (Alatas, 2006) dengan merujuk perbezaan sikap antara masyarakat Arab Badwi dan Arab Bandar ini. Semangat kekitaan yang kuat didasarkan oleh keperluan dan tujuan yang sama untuk memenuhi tuntutan hidup, memudahkan masyarakat Arab Badwi menawan masyarakat Arab Bandar yang sedang kelunturan semangat kekitaan akibat dibuai dengan kemewahan seterusnya masyarakat Arab Badwi ini membina ketamadunan menggantikan ketamadunan masyarakat Arab Bandar (Ibnu Khaldun, 1967, DBP, 2009). Ini dapat dilihat dalam kitaran perkembangan tamadun melalui tiga tahap, iaitu:

- i) Tahap awal atau kelahiran yang dicirikan oleh perasaan kekitaan yang tinggi bagi memenuhi keperluan asas;
- ii) Tahap kehidupan bertamadun yang dicirikan oleh kelahiran sistem berkerajaan yang melahirkan golongan pemerintah yang berbeza kehidupan mereka daripada rakyat jelata, kemudiannya disusuli oleh pertumbuhan bandar. Walau bagaimanapun, kelas pemerintah akan dibuai dengan kemewahan dan perasaan semangat kekitaan dalam kalangan rakyatnya menjadi lemah; dan
- iii) Tahap lemah atau kejatuhan yang disebabkan oleh peningkatan kemewahan dan kelunturan semangat kekitaan seterusnya membawa kepada perpecahan politik dan ekonomi.

(Muhsin Mahdi, 1957; Wan Hashim Wan Teh, 1997)

Rajah 1 menunjukkan gambaran daripada perbincangan di atas mengenai kitaran tahap perkembangan tamadun yang dipengaruhi oleh faktor semangat kekitaan.



*Rajah ini merupakan adaptasi daripada perbincangan Muhsin Mahdi (1957) & Wan Hashim Wan Teh (1997).

Rajah 1: Kitaran Tahap Perkembangan Tamadun Menurut Ibnu Khaldun

Semangat kekitaan ini dipandu oleh ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, norma budaya dan sesama ahli. Ini diasaskan oleh perasaan saling sayang-menyayangi sesama ahli yang mendorong kepada sikap saling bantu-membantu, bekerja sama, hormat-menghormati, mengambil berat dan tidak mahu kesusahan menimpa sesama mereka. Semangat kekitaan juga membawa ahli-ahlinya untuk saling berkongsi kesenangan dan kepayahan antara satu sama lain. Justeru, ini menimbulkan keberanian sehingga sanggup berjuang dan berkorban demi ahli dan tanah air mereka. Sekiranya terdapat ahli yang ditindas, maka mereka tidak berdiam diri sebaliknya akan memperjuangkan bersama-sama hak mereka (DBP, 2009). Semangat kekitaan ini adalah suatu yang semula jadi (Alatas, 2014; Dion, 2007) dan ia memainkan peranan apabila terdapat ahli yang tidak diadili sebaiknya, disakiti atau dibunuh (Dion, 2007).

Perbincangan mengenai penindasan dan perjuangan hak yang turut merupakan salah satu



ciri-ciri semangat kekitaan Ibnu Khaldun terungkap sebagaimana Ibnu Khaldun (DBP, 2009) menjelaskan bahawa tamadun terbina kukuh berasaskan dua ciri, iaitu, i) Syawkah (kekuatan) yang didasarkan dengan ‘asabiyyah (semangat kekitaan), dan ii) wang. Melalui semangat kekitaan yang kuat oleh pemimpin akan menjamin kesepaduan rakyatnya untuk taat setia dan bekerjasama bersama pemimpin dalam membangunkan tamadun. Namun, sebaliknya, apabila pemimpin telah jauh daripada perkongsian semangat kekitaan rakyatnya, malahan pemimpin ini sendiri cuba menjauhkan diri daripada mereka yang berkongsi semangat kekitaan kerana menganggap mereka musuh yang boleh mengancam (Zainab al-Khudairi, 1979). Pemimpin yang telah jauh daripada perkongsian semangat kekitaan rakyatnya ini juga dipercayai melakukan korupsi dan kemewahan yang diperoleh hasil daripada pendapatan negara tidak dikongsi bersama, maka, sistem percukaian yang banyak mulai diperkenalkan bagi menampung keperluan pemimpin dan tentera; menyebabkan ekonomi mulai goyah seterusnya rakyat mulai luntur semangat kekitaan kerana merasai keperitan untuk melangsungkan kehidupan. Namun sekiranya rakyat masih memiliki kekuatan semangat kekitaan, mereka akan mengajukan tuntutan-tuntutan bagi memenuhi kehendak mereka bersama. Sebaliknya, sekiranya rakyat telah pudar semangat kekitaan, mereka hanya patuh atas segala keputusan pemerintah. Mereka hanya patuh walaupun telah berlaku penindasan ke atas mereka dan ini menandakan semangat kekitaan yang pudar kerana mereka telah lemah sehingga tidak sanggup berjuang menuntut hak dan menangani penindasan (DBP, 2009) .

Kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar (2016) mengajukan bahawa ciri-ciri semangat kekitaan yang dibicarakan oleh Ibnu Khaldun terbahagi kepada empat ciri dominan, iaitu:

- i) **Sayang-menyayangi** – kekuatan semangat kekitaan menimbulkan perasaan kasih dan sayang sesama ahli masyarakatnya. Perasaan ini akan mendorong kepada sikap bersatu hati, mengambil berat, bantu-membantu dan hormat-menghormati sesama ahli kerana tidak mahu kesusahan menimpa antara mereka.
- ii) **Kesetiaan** – sikap taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, norma budaya, anggota kumpulan dan negara merupakan kekuatan kepada semangat kekitaan. Kekuatan ini terbentuk kukuh apabila pemimpin memiliki semangat kekitaan yang lebih kuat daripada semangat kekitaan ahli masyarakatnya yang lain. Sifat ini dapat terjelma dalam bentuk tingkah laku sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan pemimpin, ahli masyarakat dan tanah air.
- iii) **Keberanian** – bangsa yang berani ialah bangsa yang mampu memiliki kekuasaan. Justeru, keberanian untuk sanggup berjuang dan berkorban demi bangsa dan negara merupakan lambang kekuatan semangat kekitaan. Selain itu, keberanian juga boleh tergambar apabila sesuatu bangsa itu berani untuk tampil ke hadapan bagi mengajukan tuntutan apabila berlaku penindasan ke atas bangsanya oleh pemimpin atau golongan yang menerajui mereka terutamanya daripada aspek ekonomi seperti mengenakan kadar cukai yang tinggi. Maka, kekuatan semangat kekitaan akan mendorong mereka untuk berani mengajukan tuntutan agar tidak terus ditindas.
- iv) **Kepatuhan** – Semangat kekitaan akan mempersiapkan diri individu untuk tunduk dan



patuh kepada pemimpin yang berkongsi semangat kekitaan yang kuat, patuh kepada undang-undang serta norma-norma masyarakat. Sifat ini mendorong tingkah laku menurut perintah pemimpin dan patuh kepada undang-undang serta menjaga perlakuan agar tidak kelihatan songsang dengan norma-norma budaya masyarakatnya. Namun, kepatuhan yang membabi buta menyebabkan mereka tidak berani untuk mempertahankan masyarakat dan tanah air dan ini merupakan tanda-tanda semangat kekitaan yang lemah.

Justeru, kekuatan semangat kekitaan merupakan faktor utama dalam memperkukuhkan tamadun sama ada semangat kekitaan ini dimiliki oleh ahli-ahli masyarakat dan juga yang paling utama, ia perlu turut dimiliki oleh pemimpin. Semangat kekitaan terdiri daripada ciri-ciri positif, iaitu saling sayang-menyayangi, bantu-membantu, hormat-menghormati sehingga berani untuk berjuang demi masyarakat dan negara serta berani untuk mengajukan tuntutan untuk kesenangan bersama. Pemimpin yang disegani turut menimbulkan sikap taat setia dan kepatuhan ahli-ahli yang berkongsi semangat kekitaan terhadap kepemimpinan, norma dan budaya masyarakat. Matlamat, pengalaman, norma dan budaya yang dikongsi bersama menjadikan semangat kekitaan lebih utuh dan stabil. Namun, perlu disedari bahawa agama turut memainkan peranan dalam memberikan semangat kekitaan di sisi yang positif kerana agama dapat meredakan pertentangan dan perasaan iri hati dalam ahli masyarakat.

Ibnu Khaldun telah menegaskan bahawa tamadun tidak akan berkembang tanpa ada kerjasama melalui semangat kekitaan, lebih banyak manusia saling bekerjasama antara satu sama lain; lebih berkembang tamadun tersebut (Dion, 2007).

TEORI BIOEKOLOGIKAL PEMBANGUNAN MANUSIA BRONFENBRENNER (1994) (*BRONFENBRENNER'S BIOECOLOGICAL THEORY OF HUMAN DEVELOPMENT*)

Teori ini menerangkan tentang lima kerangka sistem dalam pembangunan manusia, iaitu i) Mikrosistem – institusi atau kumpulan yang mempunyai perkaitan terus dengan pembangunan kanak-kanak seperti keluarga, sekolah, institusi agama, institusi kejurangan dan rakan sebaya, ii) Mesosistem – sistem yang berhubung kait dengan mikrosistem seperti hubungan antara keluarga dengan guru dan hubungan antara rakan sebaya kanak-kanak dengan keluarga, iii) Eksosistem – melibatkan hubungan antara persekitaran sosial yang mana individu tiada peranan yang aktif dalam persekitaran tersebut namun individu-individu yang dekat dengan mereka mempunyai hubungan langsung dengan persekitaran ini contohnya ibu bapa yang mengalami tekanan di tempat kerja mungkin akan menyalurkan tekanan tersebut kepada anak-anak di rumah dengan perlakuan dera atau bersikap garang, iv) Makrosistem – meliputi ciri-ciri mikro-, meso- dan eksosistem yang memberi budaya atau subbudaya dengan rujukan-rujukan tertentu terhadap sistem kepercayaan, pengetahuan asas, sumber-sumber material, kelaziman, gaya hidup, struktur-struktur peluang, bencana dan pilihan kehidupan yang kesemuanya ini terkandung dalam sistem yang lebih luas seperti dalam konteks budaya masyarakat dan undang-undang negara.



Makrosistem lebih merupakan pelan tindakan (*blueprint*) masyarakat untuk bertindak mengikut budaya atau subbudaya tertentu. Perkaitan antara budaya dengan kehidupan manusia yang mana konteks budaya ini meliputi sama ada negara berstatus negara membangun atau negara maju, status sosioekonomi, kemiskinan dan etnisiti. Ahli-ahli dalam kumpulan budaya yang sama berkongsi identiti, warisan dan nilai yang sama, dan v) Kronosistem – perkaitan bagi peristiwa-peristiwa dalam persekitaran dan peralihan dalam kehidupan individu seperti perceraian. Menurut teori ini, kesemua sistem persekitaran ini saling berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sama lain (Bronfenbrenner, 1994).

TEORI MOTIVASI DAN PERSONALITI MASLOW (1954) (*MASLOW'S THEORY OF MOTIVATION AND PERSONALITY*)

Teori ini menerangkan lima hierarki keperluan manusia, iaitu i) keperluan fisiologikal, ii) keselamatan, iii) dipunyai dan disayangi, iv) hormat diri (*self-esteem*), dan v) realisasi diri (*self-actualization*). Maslow menegaskan setiap keperluan ini perlu ada dalam diri manusia bermula daripada keperluan yang paling asas iaitu keperluan fisiologikal sehingga ke tingkat hierarki seterusnya sehingga mencapai tingkat realisasi diri. Kelompangan salah satu daripada kelima-lima tingkat hierarki keperluan ini akan menyebabkan kebolehan untuk mencapai realisasi diri menjadi sukar.

Keperluan dipunyai dan disayangi pula diterangkan sebagai kepuasan dalam perhubungan antara keluarga dan keahlian dalam kumpulan. Malahan, Maslow telah memperdalamkan lagi perbincangan mengenai keperluan dipunyai dan disayangi dalam Siri Ketiga Teori Motivasi dan Personaliti (1987), iaitu keperluan dipunyai dan disayangi merupakan keperluan untuk merasa diri diterima, dihargai dan memberi nilai kepada kumpulan yang dianggotainya. Maslow turut menguatkan lagi kepentingan keperluan dipunyai dan disayangi ini dengan mengaitkan sebagai faktor kepada tahap kesihatan individu dan dapat menjadi penawar individu yang sakit (Maslow, 1987).

KESELARIAN TEORI SEMANGAT KEKITAAN IBNU KHALDUN, BIOEKOLOGIKAL PEMBANGUNAN MANUSIA BRONFENBRENNER DAN MOTIVASI DAN PERSONALITI MASLOW

Keselarian teori-teori Barat ini dengan Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun adalah dari segi sifat utamanya, iaitu setiap manusia memerlukan ikatan dipunyai kerana mereka merupakan makhluk sosial. Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner (1994) dan Teori Motivasi dan Personaliti Maslow (1954) telah mengetengahkan keperluan manusia untuk disayangi dan dipunyai kerana manusia ialah makhluk sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain. Teori-teori ini menekankan bahawa manusia tidak dapat hidup secara bersendirian, sebaliknya perlu mempunyai hubungan dan keahlian dalam keluarga serta masyarakatnya agar aspek psikologi dan ekologi mereka dapat dipenuhi. Malahan hubungan ini bukan sekadar hubungan biasa sebaliknya untuk mencapai satu kepuasan atau realisasi diri; individu memerlukan penghargaan dan dapat memberi nilai dalam keluarga atau masyarakat



mereka.

Pengkaji melihat Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner (1994) memberi perkaitan yang lebih menyokong kepada Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun. Teori ini membincangkan mengenai karakter manusia dipengaruhi oleh persekitaran mikrosistem, mesosistem dan eksosistem, iaitu institusi atau kumpulan terutamanya kedua-dua ibu bapa dan keluarga yang berhubung secara langsung dengan kanak-kanak termasuklah persekitaran yang dialami oleh institusi ini dapat memberi kesan kepada pembangunan kanak-kanak. Ini selari dengan kekuatan asas semangat kekitaan Ibnu Khaldun berdasarkan pertalian darah. Maka, bentuk perlakuan dalam persekitaran keluarga dapat mempengaruhi dengan kuat perwatakan semangat kekitaan kanak-kanak. Manakala pengaruh sistem makro sebagai keahlian dalam masyarakat yang berkongsi sistem kepercayaan, nilai, budaya dan warisan yang sama yang menjadi pelan tindakan mereka untuk memberi tindak balas dalam sesuatu perkara juga turut selari dengan perbincangan Ibnu Khaldun tentang mereka yang berkongsi semangat kekitaan akan patuh kepada norma-norma budaya masyarakat mereka sebagai identifikasi keahlian dan penonjolan sifat taat setia mereka kepada masyarakat. Kepatuhan ini merupakan ikatan semangat kekitaan yang membentuk karakter individu untuk tidak bertindak di luar norma budaya masyarakat mereka. Justeru, seperti mana Bronfenbrenner mengungkap teori beliau yang saling berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sistem ke sistem, begitu juga semangat kekitaan dapat dipengaruhi oleh kekuatan pertalian kekeluargaan seterusnya semangat kekitaan ini turut memegang nilai-nilai dan norma budaya yang sama sebagai penonjolan identiti semangat kekitaan mereka.

Justeru, selari dengan perkaitan antara kedua-dua teori ini, maka tidak mustahil teori Bronfenbrenner ini turut selari dengan kajian. Bermula dengan mikrosistem sehingga eksosistem yang mengaitkan keluarga sebagai pengaruh secara langsung sehingga kepada pengaruh persekitaran terhadap keluarga yang turut mempengaruhi kepada pembangunan kanak-kanak, kajian ini telah menganalisis faktor etnik yang terikat dengan pertalian darah serta persekitaran tempat dibesarkan dan jenis pendidikan yang diterima oleh individu dikaji sebagai melihat kaitannya dengan semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam diri mereka. Selain itu, faktor makrosistem yang dikatakan mempengaruhi dari aspek kebudayaan kebangsaan, sistem kepercayaan dan perkongsian undang-undang dalam masyarakat turut dibicarakan di dalam pemboleh ubah semangat kekitaan; perkongsian warisan dan pengalaman kolektif, dibicarakan di dalam pemboleh ubah penghayatan sejarah; dan perkongsian identiti dibicarakan di dalam pemboleh pemartabatan bahasa kebangsaan sebagai identiti sepunya warga multietnik di Malaysia.

Malahan, kajian Tartakovsky (2011) telah menggunakan Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner (1994) ini dalam membuat hipotesis bahawa pada peringkat makro, keadaan ekonomi yang stabil dalam sesebuah negara akan menyebabkan identiti kebangsaan remaja akan menjadi lebih positif kerana keadaan sosioekonomi yang diidam-idamkan akan menyebabkan mereka dapat memenuhi keperluan emosi dan berpuas hati dengan instrumentasi mereka dan seterusnya akan meningkatkan rasa dipunyai kepada negara. Manakala di peringkat mikro, pengkaji ini membuat hipotesis bahawa keadaan ekonomi keluarga yang diidam-idamkan akan menyebabkan identiti kebangsaan mereka lebih positif



kerana keluarga dapat menyediakan kepuasan terhadap keperluan instrumentasi anak-anak mereka. Pengkaji ini turut membuat hipotesis bahawa penyesuaian psikologikal yang lebih baik dalam kalangan remaja akan memberi impak kepada identiti kebangsaan yang lebih kuat.

Kajian Tartakovsky (2011) yang menetengahkan dimensi ekonomi melalui Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner (1994) ini dilihat selari dengan perbincangan mengenai sosioekonomi dalam sesebuah kawasan atau kepimpinan yang diketengahkan oleh Ibnu Khaldun. Beliau menyatakan apabila sistem percukaian yang terlalu banyak diperkenalkan kepada rakyat menjadikan rakyat mula pudar semangat kekitaan kerana mereka terpaksa meneruskan kehidupan dalam keadaan kesempitan ekonomi seterusnya sekiranya mereka hanya patuh dengan segala tindak tanduk pemimpin yang cuba menindas mereka dalam aspek ekonomi tersebut, maka itu menandakan bahawa tahap semangat kekitaan adalah di tahap yang paling rendah. Maka, Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun turut tidak terkecuali dalam membincangkan impak sosioekonomi terhadap tahap semangat kekitaan. Beliau menjelaskan bahawa sistem ekonomi yang tidak memberangsangkan atau menindas dapat menjadikan kekuatan semangat kekitaan rakyat dalam tamadun tersebut turut terjejas. Tidak ketinggalan juga, kajian ini memasukkan elemen ekonomi dan pentadbiran kerajaan dalam menilai kekuatan ciri mengajukan saranan di dalam pemboleh ubah semangat kekitaan.

Teori Motivasi dan Personaliti Maslow (1954) ini selari dengan perbincangan Ibnu Khaldun tentang fitrah manusia yang berkongsi kehendak semula jadi antara satu sama lain dalam memenuhi keperluan untuk meneruskan kehidupan. Manusia diciptakan Allah SWT dengan kebolehan masing-masing yang pelbagai yang memerlukan mereka untuk bekerjasama antara satu sama lain bagi saling melengkapi keperluan untuk kelangsungan hidup yang mana faktor semangat kekitaan merupakan faktor utama dalam usaha penyatuan sesama mereka ini (Ibnu Khaldun, DBP, 2009). Perasaan saling sayang-menyayangi antara sesama ahli dalam kumpulan menandai keahlian individu seterusnya individu dapat merasakan dirinya dihormati (self-esteem) oleh sesama ahli. Perbincangan Ibnu Khaldun ini lebih menjangkau daripada hanya membincangkan keperluan psikologi, sebaliknya beliau membincangkan keperluan disayangi dan dipunyai dalam konteks semangat kekitaan dalam ruang yang lebih luas, iaitu impak semangat kekitaan ini kepada ketamadunan manusia. Malahan, keperluan Penghargaan Diri dan Realisasi Diri turut selari dengan perbincangan Ibnu Khaldun mengenai individu yang mempunyai kemantapan diri dengan memiliki semangat kekitaan yang mengatasi semangat kekitaan ahli-ahli yang lain, akan memperoleh kedaulatan untuk berkuasa. Beliau bukan sahaja sekadar memimpin namun dapat memaksa ahlinya untuk taat setia dan patuh kepada pentadbirannya. Beliau tidak akan dapat mencapai kedaulatan kecuali dibantu oleh semangat kekitaan yang menyebabkan orang lain akan tunduk patuh kepadanya. Sementelahan pula, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa kedaulatan ini merupakan matlamat kepada semangat kekitaan (Ibnu Khaldun, DBP, 2009).

Oleh yang demikian, selari dengan semangat saling menyayangi dalam Teori Semangat kekitaan Ibnu Khaldun dan Teori Maslow ini, kajian ini telah mengukur semangat kekitaan dari aspek sayang-menyayangi yang mendorong kepada sikap saling bantu-membantu, menghormati dan mengambil berat yang mana sikap-sikap ini dapat menimbulkan kepuasan psikologi bagi keperluan individu ingin merasa disayangi dan dipunyai dalam kumpulannya.



KESIMPULAN

Justeru, perbincangan Ibnu Khaldun lebih 600 tahun dahulu berkenaan kekuatan semangat kekitaan sebagai tonggak kekuatan sesebuah tamadun dijelmakan kembali oleh teori-teori Barat yang diguna pakai dalam banyak kajian sehingga ke hari ini. Ini membuktikan bahawa Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun juga seharusnya mampu diangkat dalam kajian-kajian kontemporari dan masih relevan diaplikasikan dalam membincangkan isu-isu sosial masyarakat moden masa kini. Pengaplikasian teori ini tidak boleh disangsikan kerana inti patinya masih wujud dalam teori-teori kontemporari walaupun dalam kerangka perbincangan yang berlainan. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Akbar Ahmed (2002) bahawa dalam memahami masyarakat, kita seharusnya kembali memahami teori semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun.

PENGHARGAAN

Penghargaan ke atas Kementerian Pengajian Tinggi dengan tajaan pembiayaan geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk 'Pembentukan Model Semangat Kekitaan Kebangsaan (SeKITA) dalam Menangani Etnosentrisme di Institusi Pendidikan Vernakular dan Agama' bernombor kod FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/2 (USIM/FRGS/PPT/KPT/51222).

RUJUKAN

- Akbar Ahmed (2002). Ibn Khaldun's Understanding of Civilizations and the Dilemmas of Islam and the West Today. *The Middle East Journal*, 56(1): 20-45.
- Alatas, Syed Farid (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6): 782-795.
- Alatas, Syed Farid (2014). *Appying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. New York: Routledge.
- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological models of human development. Dalam T. Husen & T. N. Postlethwaite (Ed.), *International encyclopedia of education* (2nd ed., Vol. 3) (ms. 1643 - 1647). Oxford, UK: Pergamon Press.
- Dhaouadi, M. (1990). Ibn Khaldun: The Founding Father of Eastern Sociology. *International Sociology*, 5(3): 319-335.
- Dion, M. (2007). According to Khaldun's Concept of History and the Quranic Notions of Economic Justice and Temporality. Dalam Tymieniecka, A-T. (Ed.), *Timing and Temporality in Islamic Philosophy and Phenomenology of Life* (ms. 323-340). Netherlands: Springer.
- Ibnu Khaldun (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibnu Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. (1987). *Motivation and Personality* (3rd Ed.). New York, NY: Harper and Row.
- Muhsin Mahdi (1957). *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic*



- Foundation of the Science of Culture*. London: George Allen and Unwin.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar (2016). Pengaruh Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah terhadap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam Kalangan Mahasiswa Pelbagai Etnik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Tartakovsky, E. (2011). National Identity of High-School Adolescents in an Era of Socio-Economic Change: Russia and Ukraine in the Post-Perestroika Period. *J Youth Adolescence*, 40: 231–244.
- Wan Hashim Wan Teh (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad ke 21. Dalam Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (Ed.), *Tamadun Melayu Menyongsang Abad kedua puluh satu* (ms. 69-144). Bangi: Penerbit UKM.
- Zainab al-Khudhairi (1979). *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Bandung: Pustaka.